

Headline	Kajian terperinci		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Sep 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	20	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	300 cm²
Journalist	AIMAN SADIQ ABDULLAH	AdValue	RM 5,117
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,352



Kajian terperinci

Kerajaan cadang Sungai Lembing diangkat Tapak Warisan Dunia UNESCO

AIMAN SADIQ ABDULLAH

KUANTAN

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sedang melaksanakan kajian terperinci untuk mengangkat Sungai Lembing sebagai Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Timbalan Ketua Setiausaha Kebudayaan (Saraya Arbi) berkata, pihaknya sudah melakukan gerak-gerak termasuk mendapatkan persetujuan kerajaan negeri.

Menurutnya, menjadi matlamat kementerian tersebut untuk mengangkat Sungai Lembing sebagai Tapak Warisan Dunia yang sememangnya layak selain beberapa kawasan lain di Malaysia.



Sungai Lembing terkenal kerana memiliki bekas lombong bijih timah terdalam di dunia.

"Setelah kita mendapat persetujuan daripada kerajaan negeri kita akan membawanya pula ke peringkat kebangsaan untuk kita sediakan segala dokumen yang diperlukan untuk diserahkan kepada UNESCO."

"Kemudian mereka (UNESCO) akan menghantar wakil mereka untuk jalankan penyelidikan sama ada kawasan yang kita cadangkan itu sesuai atau tidak untuk dijadikan tapak warisan dunia," katanya kepada *Sinar Harian* selepas menghadiri majlis penutup program Jejak Warisan Merdeka di Sungai

Lembing, di sini, kelmarin. Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara, Datuk Dr Zainah Ibrahim.

Saraya berkata, sebelum sesuatu pengiktirafan UNESCO diberikan, kos dan proses untuk mendapatkan pengesahan tersebut mencecah belanja kira-kira RM1 juta hingga RM2 juta.

Dalam pada itu, menurutnya segala proses kajian dan penyediaan dokumen memakan masa mengikut keadaan kawasan seperti proses mendapatkan pengiktirafan Lembah Lenggong, Perak yang

- | |
|---|
| FAKTA |
| <ul style="list-style-type: none"> ■ Lombong bijih timah Sungai Lembing mempunyai kedalaman sedalam 610 sehingga 700 meter. ■ Ketinggian terowong adalah dari 12 kaki sehingga 200 kaki. ■ Panjangnya adalah 322 kilometer panjang ■ Diiktiraf lombong bijih timah terdalam di dunia. |

mengambil masa dua tahun serta bandar Melaka dan Georgetown selama lapan tahun.

"Setiap kawasan yang berpotensi akan kita nilai dari sudut budaya, sejarah dan keasliannya sebelum kita angkat cadangan itu... sebelum kita hantar ke UNESCO perlu ada satu penyelidikan terperincisebab kita tidak mahu ia ditolak badan dunia itu."

"Pihak kita juga sedang mempertimbangkan untuk menjadikan Taman Negara Kuala Tahan, Royal Belum, Permatang Kuarza, Gombak dan hutan simpan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO," katanya.